

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@mediapri-
ma.com.my

Petaling Jaya

Cubaan sebuah syarikat menyeludup besi dan skrap aluminium di dalam 53 kontena gagal selepas disita dalam Operasi Besiport membatikan nilai rampasan termasuk duti import dan cukai lebih RM9 juta.

Pengarah Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Wan Norizan Wan Daud berkata, Operasi Besiport dijalankan secara bersepadu bersama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sirim Berhad (SIRIM) pada 28 Ogos hingga 5 September lalu.

Elak duti import, cukai lebih RM9j!

Kastam KL sita 53 kontena bawa besi 'steel structure', skrap aluminium import disyaki tidak berkastam

Menurutnya, pasukan operasi Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menyita 53 kontena itu di Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat, Klang yang membawa besi jenis *steel structure* dan skrap aluminium import disyaki tidak berkastam.

"Hasil pemeriksaan

mendapati 35 kontena mengandungi besi bagi kegunaan industri pembinaan manakala 18 kontena lagi mengandungi skrap aluminium dan metal.

"Jumlah berat keseluruhan adalah 956,686 kilogram dengan nilai sitaan 53 kontena itu adalah RM7.9 juta manakala anggaran duti import serta cukai berjumlah RM1,098,888,"

katanya pada sidang media di Pejabat Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Kelana Jaya, di sini, semalam.

Beliau berkata, pengimportan besi jenis *steel structure* bagi kegunaan industri pembinaan memerlukan Sijil Perakuan (COA) daripada CIDB manakala pengimportan skrap aluminium dan me-

tal memerlukan kelulusan SIRIM.

"Modus operandi syarikat terbabit membuat ikrar tidak betul bagi mengelak keperluan lesen import dan kes disiasat mengikut Akta Kastam 1967," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan Sektor Pendaftaran & Akreditasi CIDB, Suhaimi Mansor

berkata, kemasukan besi bagi tujuan industri yang tiada kelulusan CIDB memberi risiko dari segi kualiti dan keselamatan.

"Kualiti dibimbangi berada di bawah standard dibenarkan dan boleh membahayakan orang awam.

"Kita tidak tahu dari mana bahan itu dibawa masuk dan selalunya ia akan diproses semula dan berbahaya kepada orang awam," katanya.

"Modus operandi syarikat terbabit membuat ikrar tidak betul bagi mengelak keperluan lesen import"

Wan Norizan

Taktik sindiket bungkus semula arak seludup dapat dihidu

Petaling Jaya: Bungkus semula minuman keras diseludup sebelum dibekal secara pukal ke kawasan industri dan pembinaan bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Itu taktik sindiket membekal dan mengedar minuman keras pelbagai jenama yang dikesan bergiat aktif sekitar Lembah Klang.

Kegiatan itu terbongkar selepas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menyerbu sebuah gudang persendirian di Taman Prima Tropika, Seri Kembangan, jam 1.30 te-

Daud berkata, hasil pemeriksaan dilakukan mencek minuman keras import pelbagai jenama bernilai RM921,769.

Menurutnya, sebuah lori lima tan turut disita selain pihaknya menahan tiga lelaki warga asing.

"Pengimportan minuman keras memerlukan lesen import dan setem cukai yang diluluskan Ketua Pengarah Kastam mengikut Peraturan 42(1) Peraturan-Peraturan Kastam 2019.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1) (d) Akta Kastam 1967," katanya pada si-

"Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1) (d) Akta Kastam 1967"
Wan Norizan

